

Newspaper	AMANAH
Date	11 SEPTEMBER 2016

Anwar di pihak yang benar *Amanah - 11/9/2016*

PERTEMUAN bersejarah Mahathir-Anwar selepas 18 tahun dan 3 hari sejak 2 September 1998 mencetus pelbagai tafsiran. Barangkali dua tokoh ini sahaja yang mengerti makna sebenar adegan bersalaman itu, tetapi orang di sekelilingnya berhak menjana tafsiran masing-masing.



Apa tidaknya, Reformasi bukan sekadar percikan bunga api musuh dan dendam lantaran pergeseran antara dua watak Mahathir-Anwar, tetapi juga pertembungan idea dan jalur pemikiran dalam membangunkan masyarakat dan negara.

Jadi, usah terkejut dengan komen-komen yang sinis tatkala ada yang teruja apabila Mahathir-Anwar bersemuka. Sementara sesetengah menganggap babak pergelutan kuasa Mahathir-Anwar melabuh tirainya, ada juga yang merasakan dirinya diperbodohkan kerana tidak kurang yang dikorbankan demi satu perjuangan berslogankan Reformasi sejak 18 tahun yang lalu.

Kita tidak menafikan penderitaan Anwar dan keluarga, yang sememangnya menjadi tumpuan masyarakat, tetapi kita juga harus mengakui bahawa ramai lagi yang pernah ditahan, dibelasah, hilang kerja dan sebagainya, demi gerakan Reformasi yang bermula pada September 1998.

Apapun, perjuangan ini harus diteruskan, sungguhpun mengharungi liku-liku

yang genting, dan kini tersepit dalam kebuntuan. Sudah tentu pertemuan bersejarah ini tidak harus diremehkan, tetapi juga tidak harus "terlebih dibaca", terutamanya setelah meneliti kenyataan Mahathir dan Anwar selepas pertemuan.

Kedua-duanya begitu berhati-hati ketika diminta mengulas pertemuan tersebut. Mahathir, menafikan bahawa pertemuan itu satu pendamaian antara dirinya dengan musuh ketatnya, Anwar. Anwar, di sebaliknya, enggan mengulas soal sama ada percaya atau tidak kepada Mahathir, tetapi menduga kehadiran Mahathir ke mahkamah menunjukkan dukungannya terhadap agenda reformasi.

Jelas, soal "memohon maaf" tidak berbangkit di sini, kerana pihak yang seharusnya mengakui kesalahan dirinya, tidak berbuat demikian. Padahal, jikapun Mahathir memohon maaf, kita sudah boleh menjangkakan reaksi Anwar.

Sudah lama Anwar menyatakan secara terbuka bahawa dirinya sedia memaafkan Mahathir, dan melihat ke depan. Kini soalnya bilakah Mahathir sanggup mengakui kesalahan dirinya dan memohon maaf kepada Anwar dan rakyat Malaysia.

Pertemuan Mahathir-Anwar perlu dibaca dalam konteks ini. Tidak adil seandainya tuduhan dan makian dilontarkan kepada Anwar, kononnya Anwar seorang oportunis dan sanggup berjabat tangan dengan

Mahathir demi kepentingan politik.

Hakikatnya Mahathir sendiri yang menghadap Anwar di mahkamah, bukan sebaliknya. Andaikan kita Anwar, apakah reaksi kita? Berpaling dan tidak menyapa Mahathir? Memakinya di khalayak ramai? Atau apa?

Saya menjangkakan ada juga yang bersetuju kalau bukan bersorak seandainya Anwar bersikap dingin terhadap kedatangan Mahathir. Berat mata memandang, berat lagi beban dipikul - penderitaan yang ditanggung keluarga Anwar untuk 18 tahun.

Namun Anwar cukup berjiwa besar untuk bersalaman dengan Mahathir. Kelapangan dada sedemikian memartabatkan darjat Anwar sebagai negarawan, sungguhpun tidak diiktiraf secara rasmi.

Kini terpulang kepada Mahathir untuk meletakkan di mana darjat dirinya. Mahathir, Perdana Menteri keempat yang menerajui tampuk kuasa untuk tempoh 22 tahun, mungkin sudah diiktiraf sebagai negarawan, tetapi masih diktator dari kaca mata pejuang demokrasi sungguhpun sudah pencen pada hari ini.

Mahathir membina satu sistem yang bertunjukkan Mahathirisme, sehingga sistem ini dimanfaatkan Najib sepenuhnya untuk melakukan apa-apa sewenang-wenang.

Sudah tentu ia tidak mudah untuk Mahathir, seorang pemimpin dengan ego yang lebih tinggi daripada hidungnya. Mengakui salah dan memohon maaf bermaksud legasi yang dibinanya selama ini dimusnahkan.

Namun Mahathir terperangkap juga dalam dilema pada saat-saat sebegini. Mahu atau tidak, Mahathir sedang mengalami apa yang dikatakan "karma" pada hari ini.

Apa yang diludahkan terhadap musuh politiknya dahulu, misalnya mengundang campur tangan kuasa asing, bersubahat dengan DAP yang anti-Melayu, kini jatuh ke mukanya. Akhirnya beliau terpaksa akur, beliau popular bukan kerana dirinya, tetapi kuasa dan sumber dalam genggamannya.

Apakah insan seperti Mahathir akan bermuhasabah? Ia tanda soal yang belum terjawab. Namun tindakannya menghadap Anwar di mahkamah, membuktikan Anwar berada di pihak yang benar selama ini.

Mahathir tidak perlu tampil ke mahkamah semata-mata untuk menyokong tindakan yang diambil Anwar terhadap Akta Majlis Keselamatan Negara. Di manakah bayang Mahathir ketika kes mahkamah Fahmi Reza berlangsung, sedangkan Mahathir juga menolak Akta Hasutan? Dan mustahil manusia dengan egonya yang tinggi ini menghadap Anwar jikalau Anwar benar bersalah.

Saya tidak tahu apakah perasaan sebenarnya yang terpendam dalam hati Mahathir apabila menepuk Anwar dengan tangannya. Dalam usia sebegini, mustahil Mahathir tidak sedar - bagaimana Anwar masih mampu berdiri tegak di depannya selepas 18 tahun disiksa dan diaibkan, kalau bukan didukung satu perjuangan demi kebenaran dan keadilan?